

TALKING POINT

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**

**NAIB CANSOLOR**

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN

PADA 21 JANUARI 2011

DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib  
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku  
Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan  
Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang  
Hao.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah SWT kerana  
diberi keizinan olehNya untuk sama-sama kita berkumpul  
pada pagi yang berbahagia ini. Sesungguhnya, pertemuan  
seumpama ini dapat menjadi medium untuk merapatkan lagi  
hubungan sesama kita warga kerja UniMAP.

Ladies and Gentlemen,

Last Monday, I was invited by the Ministry of Higher Education to attend the Keynote Address 2011 of YB Dato Seri Mohamed Khaled Nordin, Minister of Higher Education with the theme "**TOWARDS THE TRANSFORMATION OF HIGHER EDUCATION**" ("PENGAJIAN TINGGI KE ARAH TRANSFORMASI NEGARA"). And ironically, some of the issues raised by the MoHE are in line with the approach that we have taken in our Strategic Plan 2011-2015.

The Minister has outlined eight main agenda namely :

- **Rejuvenation of True Academia Culture**

Rejuvenasi Budaya Akademia Sebenar

- **University and Universality**

Universiti Dan Kesejagatan

- **Lifelong Emphasis and Quality Culture**

Penekanan Berterusan Dan Pembudayaan Kualiti

- **Increased Research and Innovation**

Mengupayakan Penyelidikan Dan Inovasi

- **Leading Internationalization**

Memimpin Pengantarabangsaan

- **Enhancing the Quality and Potential of the Students**

Memperkasa Kualiti Dan Potensi Pelajar

- **Addressing Ecosystem Change in Higher Education**

Menangani Perubahan Ekosistem Pengajian Tinggi Negara

- **Towards a Balance Perfection of a Nation**

Keseimbangan Ke Arah Kesempurnaan Negara Bangsa.

If we look at all the eight cores, almost all of them are in accordance with the directions and goals that we have outlined earlier.

Hadirin hadirat sekalian

Justeru, bagi mendukung hasrat dan agenda yang telah disuarakan YB Menteri Pengajian Tinggi ini, kita perlulah berani untuk melakukan pembaharuan sebagai usaha untuk menjadikan kita universiti terbaik di dunia. Sebagaimana yang kita sasarkan iaitu menjadi antara 500 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2020. Insya Allah.

Pada tahun ini juga, KPT telah menetapkan kedudukan dan pencapaian universiti diukur berasaskan kepada 3R iaitu 'Relevant' (relevan), 'Referred' (dirujuk) dan 'Respected' (dihormati).

Dan ukuran ini mestilah diasaskan kepada tiga (3) peringkat persekitaran yang mengelilinginya iaitu di peringkat kebangsaan (*national*), serantau (*regional*) dan juga global yang mana setiap ukuran tersebut dinilai berasaskan kepada hubungan dan peranan setiap universiti dengan semua

pemegang taruh iaitu kerajaan, pelajar, industri dan masyarakat.

Bagi kita di UniMAP, alhamdulillah, pengukuran ini telah kita laksanakan melalui kewujudan unit-unit dan jabatan-jabatan yang berkaitan iaitu Pusat kerjasama Industri (CIC) untuk menjaga reputasi kita dengan sektor industri.

Selain itu, kita juga ada Unit Kajian Strategik yang sentiasa menjalankan aktiviti yang mendekatkan kita dengan masyarakat di negeri Perlis ini. Tidak ketinggalan, program 7-i Pillars yang kita perkenalkan dulu merupakan medium terbaik untuk mendekatkan lagi UniMAP dengan pelajar.

Semua ini telah kita laksanakan, Cuma pada masa dan saat ini kita perlu mengemaskan lagi strategi dan inisiatif agar ia terus menyumbang kepada hubungan yang lebih positif.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Dalam perutusan dan amanat Menteri juga, beliau turut menyebut mengenai peranan PPIPT yang baru kita perkenalkan. Meskipun tidak menyebut secara langsung nama PPIPT tetapi melalui petikan kata :

***“Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) masing-masing bersaing menawarkan program pascasiswazah perniagaannya. Apakah boleh suatu hari nanti ketiga-tiga mereka bergabung menggembeleng kekuatan bidang dan kepakaran untuk menubuhkan sebagai contohnya ‘Business School of The North’ yang paling terkenal untuk menawarkan program bukan sahaja dalam negara tetapi juga kepada jiran serantau seperti CLMV?. ”***

Justeru, Prof Madya Dr. Hazry Desa, anda mempunyai peranan dan tanggungjawab besar dalam memastikan usaha

mewujudkan pusat ilmu Keusahawanan di Utara tanah air ini membuahkan hasil yang diinginkan.

Dan Insya Allah juga, pertemuan dan lawatan Pengurusan Tertinggi Universiti Utara Malaysia yang akan berlangsung 25 Januari ini bakal menjadi titik tolak ke araha merealisasikan lagi hasrat KPT ini.

Hadirin sekalian,

Perkara yang paling menarik perhatian saya dalam amanat Menteri ialah berkenaan “janji” YB Menteri yang bersedia untuk mengembalikan peranan asal keempat-empat universiti teknikal sedia ada di mana menjelang tahun 2015, MTUN perlu memastikan kemasukan pelajar-pelajar terdiri daripada 60% dalam bidang teknikal dan ini merupakan satu berita baik untuk kita dalam menambah bilangan pelajar teknikal di UniMAP.



Sememangnya, selama ini kita sentiasa berpegang kepada teras asal kewujudan iaitu untuk melahirkan graduan teknikal yang berkualiti dan memenuhi kehendak pasaran.

Dalam pada itu, kita juga seiring dengan hasrat KPT yang inginkan budaya **penggiatan keusahawanan pendidikan atau 'entrepreneurship education'** memandangkan keusahawanan dan pendidikan merupakan dua teras ditingkatkan dan dimajukan hubungannya.

Pendedahan dalam bidang keusahawanan merupakan satu proses pembelajaran yang dapat membuka ruang kepada pelajar kita supaya menjadi lebih kreatif, inovatif dan berdaya maju, di mana aspek ini, kita berharap, dapat menjana inovasi negara, peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap dimasa hadapan.

Maka, adalah menjadi tanggungjawab kita di UniMAP kini untuk merealisasikan hasrat tersebut. Jika ingin disenaraikan terlalu panjang pula ucapan saya pada pagi ini.

Justeru, saya akan meminta rakaman ucapan Amanat Menteri KPT ini untuk dimuatnaik ke Laman Web kita agar dapat sama-sama kita mendengar dan mengetahui dengan lebih jelas apakah lagi hasrat-hasrat yang dizahirkan oleh KPT.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:

Sekian,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.